

09/09/1998

Gerakan reformasi dilancar

KUALA LUMPUR, Selasa - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, malam ini, melancarkan gerakan reformasi bagi menuntut apa yang didakwanya keadilan selepas dipecat daripada Kabinet dan Umno, minggu lalu.

Menurutnya, reformasi itu yang didakwanya sebagai gerakan membangkitkan kesedaran rakyat terhadap kepincangan dalam bidang ekonomi dan sosial, bertujuan mendapatkan keadilan.

Beliau berkata, gerakan berkenaan yang didukung rakyat pelbagai bangsa akan bermula esok di seluruh negara dan dijangka disokong ratusan ribu rakyat dalam masa seminggu.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rakyat yang bangkit melakukan reformasi supaya melakukannya secara aman.

"Gerakan reformasi adalah gerakan rakyat secara aman," katanya ketika berucap di rumahnya di Bukit Damansara, malam ini.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir bahawa beliau mengundang supaya ditahan, Anwar menafikannya.

(END)